

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

JAMINAN DR M: PROJEK DIPOTONG SELEPAS KAJIAN TELITI

KUALA LUMPUR, Selasa — Pemotongan beberapa projek kerajaan sama sekali tidak akan menjejaskan pembangunan sosial kerana sebelum sesuatu projek itu ditangguhkan, dilewatkan atau dipotong kesan baik buruknya sudah dikaji, demikian jelas Perdana Menteri hari ini.

Umpamanya projek-projek PKEN tidak semuanya mempunyai kesan sosial, walaupun mungkin tujuan asalnya untuk membaiki sosial.

Bercakap dalam rancangan Ehwai Semasa di RTM malam ini, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bagaimanapun mengakui bahawa ada setengah-setengah pihak yang merasai kesan buruk dari kemelesetan ekonomi dan rancangan penjimatan itu.

Katanya, mungkin pengangguran di lombong-lombong kecil akan berlaku kerana perlombongan mereka terpaksa ditutup.

Bagaimanapun katanya, bilangan mereka ini tidak begitu ramai dan kesan yang dihadapi tidaklah membebankan sekiranya mereka mahu mengubah bentuk pekerjaan.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, walaupun ekonomi negara meleset tetapi sektor pembinaan berkembang maju dan memerlukan ramai pekerja.

"Satu rancangan membina bangunan PNB umpamanya memerlukan 1,000 pekerja, jadi kalau kita sanggup menukar kerja, saya yakin kita tidak akan merasai penderitaan kerana kemerosotan ekonomi," ujarnya.

Dua ahli panel iaitu, Dr. Munir Majid dari Kumpulan The New Straits Times dan Encik Suhaimi Mokhtar dari Kumpulan Akhbar Utusan Melayu serta Encik Salleh Patch Akhir selaku pengerusi mengemukakan beberapa persoalan yang berkaitan dengan ekonomi negara.

Katanya, kerajaan sudah mempunyai rancangan yang tertib untuk mengurangkan kesan kemelesetan itu. Bagaimanapun sekiranya rakyat turut sama memainkan peranan, mereka tidak akan menderita lebih berat daripada sekarang.

"Sebenarnya kesan kemelesetan ekonomi terhadap Malaysia adalah minimum dibandingkan dengan negara-negara lain. Umpamanya paras pengangguran di negara kita cuma 5 hingga 5.5 peratus sahaja sedangkan di Amerika Syarikat meningkat kepada 10 peratus" katanya.

No.

No.

85